

MONTHLY NEWSLETTER

Visiting Lecturer: Japan Advanced Institute of Science and Technology (JAIST)

18th July 2016- Assoc. Prof. Dr. Yuki Nagao from Japan Advanced Institute of Science and Technology (JAIST) has visited School of Materials and Mineral Resources Engineering in relation to the Memorandum of Understanding (MoU) that has been signed between USM and JAIST in 2012. Possibility of renewing the MoU has been discussed during the visit. In the afternoon, Assoc. Prof. Dr. Yuki Nagao presented to the postgraduate students on the opportunity of short-term study in School of Materials Science, JAIST under Japan Student Services Organization (JASSO) scholarship.

Japanese Professor Dispatch Program (JPDP) 2016

24-26 Julai 2016-JPDP pada kali ini melibatkan pensyarah kunjungan dari Kyushu University, Prof Madya Dr. Kotaro Yonezo. Program kunjungan beliau melibatkan aktiviti ceramah teknikal, perbincangan meja bulat bersama pensyarah-pensyarah dari Program Kejuruteraan Sumber Mineral dan sesi bersama pelajar ijazah lanjutan. Program JPDP 2016 adalah salah satu inisiatif Japan International Cooperation Agency (JICA)-AUNSEEDNet yang membabitkan kunjungan profesor-profesor terpilih daripada university-universiti di Jepun ke PPKBSM. Ceramah teknikal yang disampaikan bertajuk **“REE Resources-Processing Inovation and Challenging”** yang turut dihadiri oleh wakil dari Jabatan Mineral & Geosains, (JMG) Perak serta dari pihak industri.

Kunjungan Delegasi Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar

27 Julai 2016- PPKBSM telah menerima satu kunjungan delegasi daripada USAS yang diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Wan Sabri Bin Wan Yusof, Timbalan Rektor Akademik & Hal Ehwal Pelajar bersama-sama Dekan Fakulti Pengurusan & Teknologi Maklumat, Dekan Akademik Kemasukan & Rekod serta Ketua Jabatan Pasca Siswazah. Turut serta di dalam sesi perbincangan ini adalah Timbalan Naib Canselor (TNC) Akademik & Antarabangsa USM, YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal dan barisan Exco Dekan PPKBSM yang lain.




Kunjungan Delegasi USAS ke PPKBSM

Mesyuarat antara lain membincangkan potensi kolaborasi, hala tuju pengajian dan penawaran Ijazah Sarjana Perlombongan di USAS pada masa hadapan. Ahli-ahli delegasi juga turut di bawa meninjau kemudahan makmal di pusat pengajian.

Promosi PPKBSM: Pameran Pendidikan dan Hari Kerjaya di Sekolah Teknik Alor Setar

27 Julai 2016-Sekolah Menengah Teknik Alor Setar telah mengadakan Pameran Pendidikan dan Hari Kerjaya sempena Hari Ko-Kurikulum. Pusat pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral (PPKBSM) telah dijemput untuk menyertai pameran. PPKBSM telah diwakili oleh tiga orang pensyarah iaitu Dr. Khairul Anuar Shariff, Dr. Ku Marsilla Ku Ishak dan Dr. Suhaina Ismail. Di antara aktiviti yang dijalankan semasa sesi pameran ini adalah taklimat mengenai program-program pengajian yang ditawarkan oleh PPKBSM. Taklimat telah disampaikan oleh Dr. Khairul Anuar. Selain sesi taklimat, bahan-bahan pameran yang berkaitan dengan program yang ditawarkan turut di pameran. Diharapkan dengan aktiviti-aktiviti tersebut dapat memberi pendedahan awal kepada para pelajar berkenaan program-program pengajian yang ditawarkan oleh PPKBSM.

 04-594 1010

 04-594 1011

 smmreinfo@usm.my